

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)
PERKHIDMATAN TENAGA KEPAKARAN DAN PENULISAN
UNTUK E&E INDUSTRY ON CHALLENGES AND PLAN

Tarikh : 27 Mei 2021 (Khamis)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Teams (Online)
Pengerusi : Pn. Nazahiah Mohamad (Pengerusi)
Kehadiran : Pn. Nik Nazarina Nek Mohamed (Ahli JPH)
En. Safarwan Suhaimi (Ahli JPH)
Pn. Lee Wan Wei (EEPN)
Cik Nurul Nadia Zainal Adnan (DMO)
En. Aiman Zakwan Zahari (EEPN)

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH).
- 1.2 Pengerusi memaklumkan objektif mesyuarat JPH ini diadakan untuk menyemak dan menilai kertas penilaian untuk pertimbangan jawatankuasa sebutharga B untuk Perkhidmatan Tenaga Kepakaran Dan Penulisan Untuk *E&E Industry on Challenges and Plan*.
- 1.3 Semakan dan penilaian oleh ahli JPH adalah bagi memastikan kertas cadangan yang dikemukakan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK2.1). Penilaian adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik, pengalaman dalam bidang berkaitan dan pengalaman keseluruhan.
- 1.4 Jumlah kos yang ditawarkan daripada setiap pembekal telah dibentangkan. Berdasarkan jadual 2 dalam Kertas Penilaian Untuk Pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga 'B', jumlah harga tawan terendah adalah RM42,000 dan yang tertinggi adalah RM63,000. Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 3 dan skor tertinggi adalah penyebut harga 1. Kos projek yang disalurkan adalah muktamad. Sebarang penambahan kos tidak akan ditanggung oleh MPC.

Makluman

2. MESYUARAT MEMBINCANGKAN DAN BERSETUJU:

- 2.1 Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut Harga 1/3 sebagai pembekal untuk perkhidmatan Tenaga Kepakaran Dan Penulisan untuk E&E Industry on Challenges And Plan kerana menawarkan kriteria kerana tawaran harga terendah, menepati spesifikasi yang ditetapkan serta mempunyai pengalaman luas dan terbabit secara langsung dalam bidang berkaitan.

Tindakan: Sekretariat

3. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat di atas kerjasama yang telah diberikan dan menangguhkan mesyuarat pada jam 9.30 pagi.

Disediakan oleh:



Nurul Nadia Zainal Adnan
Penolong Pengurus
Tarikh: 27 Mei 2021

Diluluskan oleh:



Nazahiah Mohamad
Pengerusi JPH
Tarikh: 27 Mei 2021